

09 OKTOBER 2017

## KBS teruskan usaha sedarkan atlet tentang doping

### KBS teruskan usaha sedarkan atlet tentang doping



KHAIRY JAMALUDDIN ABU BAKAR

**KUALA LUMPUR 8 Okt.** - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) tidak akan berhenti daripada menyedarkan atlet tentang penyalahgunaan dadah dalam sukan walaupun negara ini terus dibelenggu dengan kes-kes positif doping.

Menterinya, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, telah banyak program dilakukan sebelum ini dan ia akan diteruskan sehingga kesedaran mengenai ujian doping dalam kalangan atlet negara benar-benar memuaskan.

"Jangan ambil dadah. Berapa banyak program lagi yang kita

hendak buat? Kita (telah) buat program setiap masa dan kami akan meneruskan program itu (dalam kalangan atlet negara)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan pemberita selepas melepaskan peserta sambil turut sama menyertai Karnival Jalan kaki Batik 2017 anjuran Yayasan Budi Penyayang Negara bersama dengan KBS di hadapan Balai Seni Negara di sini hari ini.

Seperti juga Persatuan Renang Amatir Malaysia (ASUM), Khairy enggan mengulas lanjut apabila

diasak dengan isu positif doping yang membabitkan seorang atlet terjun wanita negara pada Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Dunia sukan tanah air dikejutkan dengan seorang pemenang pingat emas acara terjun KL2017, gagal ujian doping setelah sampel urinnya dikesan positif mengandungi dadah jenis sibutramine yang lazim ditemui dalam produk pelangsingan badan, sama seperti yang diambil oleh atlet wushu, Tai Cheau Xuen semasa Sukan Asia 2014 bagi menurunkan berat badan.